

07 NOV 1999

Mahathir-Pas

JANJI PAS HELAH UNTUK DAPAT SOKONGAN CINA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata janji Pas untuk menerima pemimpin DAP sebagai Perdana Menteri jika barisan alternatif memenangi pilihan raya akan datang adalah helah untuk mendapatkan sokongan orang Cina.

Katanya, Pas akan berjanji apa sahaja untuk mendapatkan sokongan daripada orang Cina dan sejarah telah membuktikan bahawa Pas tidak menunaikan janji untuk melantik seorang Timbalan Menteri Besar Kelantan daripada Parti Melayu Semangat 46 pada pilihan raya yang lepas, inikan pula janji kepada DAP.

"Saya tak percaya bahawa orang Cina atau orang India akan percaya Pas akan terima orang bukan Islam sebagai Perdana Menteri.

"Yang dia cakap itu nak bagi dengar kepada DAP sahaja, balik kepada dia punya ceramah-ceramah tertutup untuk orang Melayu sahaja, lain pulalah dia kata," katanya kepada pemberita semasa mengunjungi rumah terbuka Deepavali Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa parti itu bersedia menerima pemimpin DAP, walaupun bukan Islam sebagai Perdana Menteri di negara ini jika pakatan Barisan Alternatif menang dalam pilihan raya akan datang.

Dr Mahathir berkata, Pas adalah sebuah parti yang tidak boleh dipercayai kerana para pemimpinnya boleh berkata apa sahaja.

"Siapa boleh percaya, sekejap dia kata nak buat negara Islam, sekejap dia nak gugur Islam, dia kata orang Umno orang Islam lepas tu dia kata orang Umno kafir, jadi apa sahaja yang dia boleh kata dia akan kata.

"Seperti kata Nik Aziz, bila dia nampak mikrofon, dia tak boleh tahan diri dah, dia nak kena bercakap, kalau dia nak bohong pun, dia bohong juga," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek memberi jaminan bahawa masyarakat Cina dan bukan Islam negara ini sudah cukup matang untuk tidak terpedaya dengan usaha PAS itu.

"Motifnya adalah untuk memancing undi. Orang Cina tidak akan percaya dan memberi sokongan. Mereka faham akan tujuan Pas dan perjuangan mereka yang bukan untuk negara tetapi hanya untuk satu kaum sahaja," katanya.

Barisan Nasional kata Lim, berjuang untuk kepentingan semua kaum di negara ini.

Parti pembangkang pula sentiasa mempunyai pandangan dan pendirian yang berubah-ubah dan oleh itu tidak boleh dipercayai serta diharapkan.

"PAS sudah nampak terdesak," katanya.

Samy Vellu, yang juga Presiden MIC berkata, PAS kini bersifat sebagai orang yang "mabuk atau gila kuasa" dengan menjanjikan pelbagai perkara yang tidak akan dapat ditunaikan jika ia menubuhkan kerajaan baru.

"Mengeluarkan idea adalah senang tetapi adalah amat susah untuk melaksanakannya, dan rakyat akan tahu tembelang sebenar PAS akhirnya, katanya.

Beliau berkata jika PAS dapat berkuasa di negara ini, parti itu hanya akan menghancurkannya.

"Satu negeri pun dia (PAS) tidak dapat membangunkannya, macam mana pula ia mahu membangunkan seluruh negara," kata Samy yang merujuk dengan jelas terhadap Kelantan yang merupakan satu-satunya negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang itu.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob yang turut ditemui pada

majlis rumah terbuka itu berkata, tindakan PAS itu menunjukkan bahawa ia dan rakan pembangkangnya telah kehilangan sokongan daripada rakyat jelata.

"Ini adalah hasil kesedaran mereka yang barisan pembangkang sudah hilang sokongan. Ia adalah untuk membolehkan supaya orang ramai bertumpu kepada mereka semula. Saya percaya sokongan kepada mereka akan lebih merosot lagi," katanya.

Beliau percaya, rakyat bukan Islam negara ini tidak akan terpedaya dengan permainan politik Pas yang sememangnya dikenali sebagai parti yang sentiasa mempunyai pandangan dan kepercayaan yang berubah-ubah.

Katanya, PAS dahulunya dikenali sebagai sebuah parti yang sangat "rigid" di dalam pelbagai perkara dan tidak akan berkompromi tentang soal kepimpinan atau kehendaknya supaya Malaysia melaksanakan hukum hudud.

"Ini semua mereka (PAS) tidak sebut lagi, sekarang mereka hanya sebut tentang bagaimana hendak meraih sokongan daripada pengundi bukan Islam," kata Khalil yang juga adalah Menteri Penerangan.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa pula berkata, kenyataan Mursyidul Am PAS itu dibuat kerana parti itu menyedari ia tidak akan berupaya untuk membentuk kerajaan baru menggantikan kerajaan Barisan Nasional.

PAS menurutnya, tahu bahawa ia tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas kenyataannya dan oleh itu akan membuat pelbagai janji yang sudah semestinya tidak boleh ditunaikan.

Katanya, PAS bersama-sama Barisan Alternatif hendak meniru konsep perjuangan BN tetapi tidak berjaya kerana asas-asas perjuangannya adalah terlalu rapuh dan membahayakan politik pelbagai kaum di Malaysia.

"Dasar Barisan Nasional tidak pernah menolak kepentingan orang bukan Islam dan ia telah berjaya memupuk politik toleransi," katanya.

Menurutnya, persoalan sekarang adalah pengwujudan formula yang dapat diterima oleh majoriti kaum yang akan menjanjikan kestabilan negara.

-- BERNAMA

AFY MHI RI